

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN  
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan dasar Kerajaan dalam menentukan kadar tarif yang dikenakan terhadap pihak yang menyediakan perkhidmatan air minuman kepada komuniti melalui mesin dispenser secara percuma, khususnya di Pusat Khidmat Ahli-Ahli Parlimen.

## **JAWAPAN**

1. Kerajaan tidak menetapkan kadar tarif air yang khusus bagi pihak yang menyediakan perkhidmatan air minuman percuma kepada komuniti seperti di pusat-pusat khidmat Ahli Parlimen. Kadar tarif yang dikenakan adalah untuk premis yang menempatkan pusat-pusat ini yang lazimnya dikenakan tarif kategori domestik jika pusat tersebut ditempatkan di premis kediaman dan dikenakan kategori komersial/bukan domestik jika ditempatkan di bangunan komersial.

\*\*\*\*\*